

Abdullah, Manmohan adakan pertemuan

Isu AFTA turut jadi agenda perbincangan dua pemimpin

BA-15/11/2007



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari India, Manmohan Singh.

Dalam pertemuan kira-kira setengah jam itu kedua-dua Perdana Menteri antara lain membincangkan isu berkaitan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean-India (AIFTA). Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Rastam Mohd Isa dan beberapa pegawai kanan.

Khamis lalu, Malaysia selaku pengerusi rundingan AIFTA memberi kata dua kepada India supaya memuktamadkan perbincangan menjelang Julai ini atau pun berdepan risiko rundingan digantung

atau dibatalkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Asean tidak berpuas hati dengan senarai penurunan cukai ditawarkan India kerana dianggap tidak menyeluruh.

Terdahulu, Abdullah menghadiri Sidang Kemuncak Asean + China ke-10 yang turut menyaksikan Perjanjian Pertukaran Perkhidmatan bagi Perjanjian Perdagangan Bebas

(FTA) kedua-dua pihak dimeterai dengan kehadiran Perdana Menteri China, Wen Jiabao.

Hubungan dagang Asean-China bermula pada 1991 dan FTA kedua-dua pihak membentuk pakatan perdagangan terbesar dunia.

Ia membabitkan 1.7 bilion pengguna dan pengeluaran ekonomi bernilai AS\$2 trilion, manakala jumlah perdagangan dianggar AS\$1.2 trilion. Turut ditandatangani ialah Pelan Tindakan Melaksanakan Deklarasi Beijing bagi Kerjasama Pembangunan Asean-ICT.

Abdullah kemudian menghadiri Sidang Kemuncak Asean + Korea Selatan ke-10, Sidang Kemuncak Asean + India ke-10 dan Sidang Kemuncak Asean + Jepun ke-10, sebelum diakhiri dengan Sidang Kemuncak Asean + 3 (China, Jepun dan Korea Selatan).

Sementara itu, Presiden Filipina yang juga Pengerusi Asean ke-12, Gloria Macapagal Arroyo, menyatakan komitmen pertubuhan itu untuk me-

tingkatkan keberkesannya dalam menghadapi pelbagai cabaran di rantau Asia Tenggara.

"Komuniti Asean dibina ini menjadi komuniti prihatin dan berkongsi sumber manusia, asli dan kebudayaan di samping kekuatan bagi manfaat bersama," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini, semalam.

Beliau berkata, tumpuan Asean menjurus ke arah mengendalikan pelbagai cabaran serantau merangkumi aspek integrasi, globalisasi, pertumbuhan ekonomi dan teknologi baru.

"Pemeteraian Deklarasi Cebu bagi Pelan Dasar Piagam Asean yang dicadangkan Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) adalah bukti kesungguhan pemimpin Asean dalam menzahirkan matlamat itu," katanya.

Arroyo berkata, komitmen pemimpin Asean mengeluarkan deklarasi bagi Perlindungan dan Peningkatan Hak Pekerja Asing turut dilia, sebagai manifestasi bersama ke arah mencapai sasaran itu.

FAKTA NOMBOR

Dagang Asean-China

1.7 bilion

Pengguna

AS\$1.2tr

Jumlah perdagangan